AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Taburan kes pada 18 Januari

JUMLAH KESELURUHAN **161,740**

SEMBUH **122,344**



| | |
|---|---|
| **KEDAH** | **142** |
| Kota Setar | 10 |
| Kuala Muda | 82 |
| Kubang Pasu | 3 |
| Baling | 17 |
| **PULAU PINANG** | **145** |
| Seberang Perai | 86 |
| Timur Laut | 41 |
| Barat Daya | 18 |
| **PERAK** | **114** |
| **SELANGOR** | **1,213** |
| Hulu Langat | 216 |
| Petaling | 517 |
| Klang | 217 |
| Kuala Langat | 60 |
| Hulu Selangor | 7 |
| **MELAKA** | **156** |
| **PERLIS** | **16** |
| **KUALA LUMPUR** | **250** |
| **PUTRAJAYA** | **15** |
| **NEGERI SEMBILAN** | **127** |
| Jelebu | 2 |
| Seremban | 72 |
| Port Dickson | 48 |
| Rembau | 0 |
| **KELANTAN** | **150** |
| Kota Bharu | 50 |
| Bachok | 14 |
| Gua Musang | 27 |
| Kuala Krai | 7 |
| Pasir Mas | 21 |
| **TERENGGANU** | **20** |
| Besut | 0 |
| Dungun | 1 |
| Kuala Terengganu | 12 |
| Marang | 2 |
| Kuala Nerus | 0 |
| **JOHOR** | **329** |
| Johor Bahru | 111 |
| Muar | 40 |
| Kota Tinggi | 38 |
| Kulai | 77 |
| **PAHANG** | **84** |
| Kuantan | 21 |
| Bentong | 49 |
| Temerloh | 1 |
| Maran | 11 |
| Pekan | 0 |

# 299 kluster aktif, 3,306 kes baharu

**Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 299 kluster aktif Covid-19 dipantau Kementerian Kesihatan termasuk sembilan kluster baharu direkodkan semalam dengan 81 kluster daripadanya melaporkan pertambahan kes.

Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Tapak Bina Muda (217 kes), Kluster Tapak Bina Perdana Avenue (145 kes) dan Kluster Tapak Bina Casuarina (76 kes).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Malaysia terus merekodkan kes harian Covid-19 melebihi 3,000 kes iaitu 3,306 kes sekali gus menjadikan kes positif negara sebanyak 161, 740 kes.

Terdapat 226 kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala empat kematian dicatatkan.

Beliau berkata, Selangor menjadi negeri tertinggi kes baharu iaitu 1,213 kes diikuti Sabah (432 kes), Johor (329 kes), Kuala Lumpur (250 kes), Kelantan (150 kes), Negeri Sembilan (126 kes), Melaka (156 kes), Pulau Pinang (145 kes), Kedah (142 kes), Perak (114 kes) dan Sarawak 100 kes.

Katanya, baki negeri yang lain hanya merekodkan pertambahan kes dua angka iaitu Pahang 84 kes; Terengganu 20 kes; Perlis 16 kes; Putrajaya 15 kes dan Labuan 14 kes.

"Bagi kes sembuh, Malaysia merekodkan sebanyak 2,293 kes yang menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh sepenuhnya iaitu 122,344 kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas mengenai sembilan kluster baharu, Noor Hisham berkata, sebanyak tujuh kluster membabitkan kluster berkaitan tempat kerja iaitu Kluster Taman Tasik Sungai Chua di Hulu Langat, Selangor, seramai 60 individu positif selepas 147 individu disaring dan Kluster Kompleks Segamaha di Kinabatangan, Sabah (250 individu disaring, 58 kes positif).

Katanya, Kluster Jalan Bukit Bendera melibat Kota Kinabalu, Papar, dan Beaufort, Sabah (100 individu disaring, 20 kes positif) dan Kluster Tapak Bina Jalan Nipah di Titiwangsa, Kuala Lumpur (517 individu disaring, 29 kes positif).

"Kluster Tapak Bina Era Duta di Kepong, Kuala Lumpur seramai 20 individu dikesan positif selepas 420 individu disaring dan Kluster Jalan TJ di Seremban, Negeri Sembilan, seramai 129 individu disaring, di mana 39 dikesan positif serta Kluster Kafe Genting, seramai 104 individu disaring, di mana 31 kes positif," katanya.

Selain itu, Kluster Pulau Lima di Pasir Puteh, Kelantan (27 individu disaring, sembilan kes positif) dan Kluster Jalan Suria di Johor Bahru, Johor (686 individu disaring, 24 kes positif).

Beliau berkata, empat kematian pula adalah membabitkan empat warga tempatan termasuk seorang wanita berusia antara 59 hingga 91 tahun.

